

# Lupus dadah RM15 juta

Polis Pulau Pinang hapus pelbagai jenis dadah dan barang rampasan dari tahun 2008 hingga 2018

## KEPALA BATAS

Pelbagai jenis dadah bernilai kira-kira RM15 juta yang dirampas membabitkan 11 kes di Pulau Pinang sejak tahun 2008 hingga 2018 dilupuskan semalam.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Sahabudin Abd Manan berkata, semua barang kes membabitkan 23 tangkapan itu telah selesai perbicaraan di mahkamah dan mendapat perintah dilupuskan bagi mengelakkan tempat penyimpanan menjadi padat.

"Pelupusan hari ini (semalam) membabitkan 472.75 kilogram (kg) pelbagai jenis dadah, kafein (263.93 kg), cecair bahan kimia (101,819 mi-



Pelbagai jenis dadah bernilai kira-kira RM15 juta yang dirampas di Pulau Pinang sejak tahun 2008 hingga 2018, dilupuskan semalam.

liter), bentonite iaitu bahan yang digunakan untuk menyembunyikan dadah sebanyak 13,000 kg dan 153 peralatan memproses serta menyimpan dadah.

"Daripada 23 orang yang ditahan itu, tiga telah dijatuhan hukuman mandatori gantung sampai mati, seorang lagi dipenjara 10 tahun dan 10 sebatan, manakala selebihnya dibebas serta dilepaskan setelah perbicaraan penuh," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelupusan Barang Kes Dadah di Stor Berpusat Polis Kontingen Pulau Pinang di sini semalam.

Kesemua barang kes itu diserahkan kepada syarikat Kualiti Alam Sdn Bhd yang berdaftar di bawah Jabatan Alam Sekitar dan ia dilupus menggunakan kemudahan terbaru iaitu loji penunuuan yang menghasilkan tenaga baharu, teratur dan tidak menyebabkan pencemaran udara.

Sementara itu, Sahabudin berkata, sepanjang tujuh bulan pertama tahun ini, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Pulau Pinang menumpaskan empat sindiket makmal dadah,

membongkar puluhan sindiket pengedaran dadah dan merampas pelbagai bahan terlarang bernilai RM7.7 juta.

Katanya, sepanjang tempoh sama, seramai 5,633 orang ditahan dan sebanyak 4,070 kertas siasatan dibuka membabitkan Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Dadah Berbahaya 1985 (Langkah-langkah Pencegahan Khas) dan Akta Racun 1952.

"Antara dadah yang dirampas sepanjang tujuh bulan pertama ini ialah 460.31kg pelbagai jenis dadah tradisional dan sintetik, pil sebanyak 67,190 biji, daun ketum (530.65kg), 5,895.6 liter cecair ketum dan kodein serta empat batang pokok ganja yang bernilai RM7.7 juta," katanya.

Beliau berkata, ke semua dadah yang dirampas itu boleh digunakan kira-kira 1.33 juta penagih.

"JSJN Pulau Pinang mengambil tindakan menurut Seksyen 39C Akta Dadah Berbahaya 1952 iaitu mereka yang mempunyai dua rekod hukuman lampau di bawah Seksyen 15(1)(a) akta yang sama dan rekod tahanan di pusat serenti," katanya. - Bernama

### Barangan jenayah dilupus oleh PDRM Pulau Pinang

- Dadah pelbagai jenis (472.75kg)
- Kafien (263.93kg)
- Cecair bahan kimia (101,819ml)
- Bentonite (13,000 kg)
- 153 alat proses dan simpan dadah
- Nilai rampasan RM15 juta
- Anggaran penagih 1.97
- Babitkan 11 kes di Pulau Pinang
- 23 tangkapan